

Isi Kandungan

Pendahuluan-----	2
Biografi Tun Dr Mahathir-----	3
Universiti Oxford-----	4
Student Union-----	4
Ulasan 1-----	5
Ulasan 2-----	6 - 7
Ulasan 3-----	8
Kesimpulan-----	9
Lampiran-----	10
Sumber rujukan-----	11

Pendahuluan

Pada 18 Januari 2019, Perdana Menteri Malaysia, Dr Tun Mahathir Bin Mohamad telah dijemput untuk memberi ucapan beliau di Universiti Oxford. Beliau merupakan warganegara Malaysia dan pemimpin ASEAN yang pertama untuk memberi ucapan di Universiti Oxford.

Sejak dari tahun 1823, pihak Universiti Oxford telah menjemput selebriti-selebriti dan ahli-ahli politik untuk memberi ucapan atas pelbagai topik. Antaranya termasuklah Einstein, Johnny Depp, Shakira, Malala Yousafzai, Perdana Menteri Pakistan Imran Khan dan editor Vogue, Anna Wintour.

Dalam ucapan beliau, beliau telah memberi pendedahan tentang isu-isu politik di Malaysia yang telah berlaku dan juga pilihanraya umum yang menyebabkan pertukaran kerajaan pada Mei 2018. Beliau juga menekankan kepentingan demokrasi dalam ucapan beliau. Kemudian, beliau telah membincangkan tentang isu-isu kemasukan warga Israel ke Malaysia. Dalam perkara ini beliau telah menegaskan lagi hak bebas bersuara. Seteursnya, beliau juga ditanya pendapat daripada pelajar dari Singapura mengenai hubungan antara Malaysia dengan Singapura.

Biografi Tun Dr Mahathir Bin Mohamad

Tun Dr Mahathir merupakan Perdana Menteri semasa bagi negara Malaysia terkini. Beliau pernah dilantik sebagai Perdana Menteri pada tahun 1981, kemudian bersara pada tahun 2003. Namun begitu, beliau kembali ke bidang politik pada tahun 2018 dan menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh dengan umur 93 tahun.

Beliau dilahirkan pada 10 Julai 1925 di Kampung Seberang Perak, Alor Setar, Kedah. Bapa beliau bernama Mohamad bin Iskandar manakala ibu beliau bernama Wan Tempawan binti Wan Hanafi. Beliau merupakan anak bongsu dalam 9 adik-beradik.

Tun Dr Mahathir menerima pendidikan awal beliau di Sekolah Melayu Seberang Perak selama dua tahun, kemudian di Sekolah Inggeris di mana bapa beliau bekerja sebagai pengetua. Sekolah ini kini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid. Dalam zaman persekolahan beliau, beliau selalu aktif dalam bidang perdebatan dan dipuji atas Bahasa English beliau.

Pada tahun 1947, Tun Dr Mahathir mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di King Edward VII College of Medicine di Singapura. Semasa belajar di kolej, beliau pernah menulis untuk The Sunday Times yang kini dikenali sebagai The Straits Times. Pada masa itu beliau menggunakan nama penulis C.H.E Det. Kebanyakan artikel beliau adalah berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang Melayu. Semasa di kolej juga beliau bertemu dengan Tun Dr Siti Hasmah yang juga merupakan seorang pelajar medical. Pada tahun 1953, beliau telah bekerja sebagai seorang pegawai medical di Hospital Awam Alor Setar. Pada tahun 1956, Tun Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah berkahwin di Jalan Imbi di Kuala Lumpur.

Universiti Oxford

Universiti Oxford merupakan institute pengajian tinggi yang paling tua di dunia yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sejak dari tahun 1096. Dalam masa kurang daripada satu abad, Universiti Oxford telah mencapai satu set pembelajaran yang penting dan menerima kepujian daripada raja atas kurikulum, system falsafah dan keistimewaannya. Dengan kedatangan Emo dari Friesland pada tahun 1190, Universiti Oxford telah menerima pelajar internasional yang pertama.

Universiti Oxford terletak kira-kira 60 km barat laut London dan kini mempunyai 240 buah bangunan di sekitar Oxford kini mempunyai jumlah pendaftaran hamper 24000 orang pelajar, termasuk 11747 siswazah dan 11687 orang pelajar pascasiswazah. Majoriti pelajar sarjana yang belajar di Oxford berasal dari sekolah negeri. Pada masa yang sama, terdapat lebih daripada 70 jabatan, lebih daripada 1800 kakitangan akademik, 5500 kakitangan penyelidikan dan 6100 penyelidikan siswazah yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan.

Oxford Union

Oxford Union merupakan persatuan pelajar di Great Britain yang cukup istimewa sehingga dikenali dunia sebagai pentas berucap berprestij. Hal ini demikian kerana Oxford Union mempunyai satu tradisi yang istimewa, iaitu penganjuran sesi perbahasan sesame anak muda dan individu oenting dunia sejak tahun 1823 lagi.

Oxford Union di Universiti Oxford memberi sokongan kepada segala aspek dari segi kehidupan pelajar, termasuk menerima pandangan dan pendapat daripada para pelajar. Oxford Union juga menyokong pelbagai aktiviti pelajar, termasuk aktiviti sukarelawan dan media pelajar.

Ulasan 1

Sebagai permulaan bagi ucapan beliau, Tun Dr Mahathir telah membincangkan tentang sistem politik Malaysia. Beliau menyatakan bahawa Malaysia merupakan negara yang demokratik dan sistem ini telah berfungsi dengan lancar dalam 60 tahun yang lepas. Namun begitu, beliau memberi kritikan terhadap sesetengah golongan yang telah menyalahgunakan kuasa mereka sehingga hampir menjadikan sistem Malaysia sebagai sistem diktator.

Walaupun bagaimanapun, pada pilihanraya umum lepas (Pilihan Raya Umum 2018), Parti Barisan Nasional yang sebelumnya sering menang dalam pilihan raya umum telah dikalahkan oleh Pakatan Harapan. Menurut kata beliau, ini adalah kali pertama di mana Malaysia telah melalui perubahan kerajaan kerana sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, Malaysia hanya ditadbir oleh kerajaan yang sama sahaja. Menurut beliau, keputusan pilihanraya ini merupakan bukti bahawa negara Malaysia ialah negara yang demokratik. Walaupun ramai yang masih akan mempertikaikan sistem pilihan raya, tetapi beliau menekankan bahawa setelah Malaysia mencapai kemerdekaan dan melalui 14 pilihan raya umum, pilihan raya akan datang akan menerima sedikit pertikaian berbanding dengan pilihan raya lepas.

Tun Dr Mahathir juga memberi pernyataan tentang beliau dipanggil sebagai diktator semasa beliau sebagai Perdana Menteri lepas. Bagi perkara ini, beliau menyatakan bahawa dalam sejarah tidak pernah ada satu diktator yang meletakkan kuasanya dan membenarkan orang lain mengambil alih daripadanya. Kata beliau, diktator tidak pernah meletakkan jawatan atau bersara.

Beliau menekankan lagi tentang kepentingan demokrasi di mana sekiranya negara tidak mengamalkan demokrasi maka negara tersebut akan diancam oleh kuasa luar. Menurut pendapat beliau, tiada campur tangan kuasa lain patut wujud dalam demokrasi.

Ulasan 2

Dalam sesi temu bual, Tun Dr Mahathir berkata bahawa adalah merupakan “hak” negara untuk menafikan kemasukan warga Israel. Negara mempunyai hak untuk mempertahankan sempadannya daripada orang tertentu, itulah sebabnya sempadan di sana, kata beliau.

Beliau telah menyatakan bahawa negara Malaysia tidak ada hubungan diplomatik dengan Israel sama sekali, dan beliau berasa bahawa mereka tidak harus datang ke negara Malaysia kerana tiada hubungan dengan mereka. Beliau menyatakan bahawa banyak negara hari ini melihat orang luar datang ke negara mereka dan mereka tidak terlalu gembira mengenainya. Mereka menggulingkan kerajaan mereka kerana mereka membenarkan pendatang asing untuk masuk ke negara mereka.

Apabila ditanya sama ada adalah adil untuk menghukum individu atau atlet Israel kerana Malaysia menentang dasar kerajaan Israel, Tun Dr Mahathir menjawab dengan : “Tidak adil untuk memanggil saya anti-Semitik, mereka harus memanggil orang lain anti-Semitik. Saya bukan anti-Semitik, semua orang Arab adalah orang Semitik.”

“Kita bebas mengatakan apa yang kita suka, kita boleh mengatakan sesuatu yang boleh dianggap sebagai anti-Semitik oleh orang Yahudi. Itulah hak mereka untuk memegang pendapat saya. Ia adalah hak saya untuk memberitahu mereka bahawa mereka melakukan banyak perkara yang salah, ”kata beliau.

Beliau juga menyatakan bahawa kerajaan Israel sangat berkuasa, dan tidak perlu berkata apa-apa tentang kerajaan Israel, tetapi kesahabatan juga tidak perlu ditunjukkan. Beliau berpendapat bahawa kerajaan ini tidak mengambil berat tentang

pendapat daripada pihak lain, dan itulah sebab mereka selalu menyebabkan perang dan jenayah.

Beliau mengatakan jika orang dari Israel mahu datang ke Malaysia, kita mempunyai sempadan yang dijaga untuk membolehkan hanya orang yang kita ingin datang ke Malaysia. Tetapi orang-orang yang telah melakukan banyak perkara yang salah, jika dianggap mereka sebagai tidak sesuai untuk melawat Malaysia, itu adalah hak Malaysia.

Ulasan 3

Seorang pelajar Singapura di Universiti Oxford, telah bertanya kepada Tun Dr Mahathir tentang hubungan diplomatic antara Malaysia dengan Singapura. Pelajar tersebut bermula dengan mengatakan bahawa Singapura dan Malaysia "sekali lagi terlibat dalam pertikaian maritim yang tidak perlu, merujuk kepada pencerobohan ketua menteri Johor ke perairan Tuas.

Pelajar tersebut kemudian Mohan kemudiannya cuba untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkannya, menyenaraikan projek kereta api berkelajuan tinggi Singapura-Kuala Lumpur, menyeru untuk menyemak semula air harga bekalan dan pertikaian maritim. Tun Dr Mahathir menjawabnya dengan mengatakan bahawa Perjanjian Air 1962 antara dua negara adalah tidak adil kepada Malaysia.

Bagi pertikaian maritim pula, beliau mengaku bahawa menteri besar tersebut telah masuk ke perairan Tuas tanpa kebenaran daripada negara Malaysia. Namun begitu, beliau juga mengatakan bahawa perairan Tuas bukan perairan Singapura, ia merupakan perairan internasional dan menteri besar boleh pergi ke perairan internasional tanpa dikejar oleh kapal perang.

Beliau kemudian ditanya sama ada beliau percaya bahawa adalah wajar untuk mengusir Singapura pada tahun 1965. Sebagai jawapan, beliau mengatakan bahawa didapati bahawa orang di Singapura tidak serasi dengan orang-orang di Malaysia. Mereka mempunyai pandangan yang berbeza, idea-idea yang berbeza tentang bagaimana sesuatu negara harus diperintah, oleh sebab itu mereka diminta meninggalkan Malaysia, dan beliau berasa keputusan pada masa itu merupakan keputusan yang bijak.

Kesimpulan

Kebijaksanaan Tun Dr Mahathir dapat kita perhatikan dalam ucapan beliau dan bagaimana beliau menjawab soalan yang telah ditanya. Ucapan beliau di Universiti Oxford ini sangat penting bagi negara Malaysia kerana beliau merupakan pemimpin yang dilantik secara demokratik di Asia Tenggara pertama yang dijemput untuk memberi ucapan di atas pentas tersebut.

Antara pengajaran yang boleh diperolehi daripada ucapan beliau ialah kepentingan demokrasi dalam sesebuah negara. Sekiranya sesebuah negara tidak mengamalkan sistem demokrasi, maka negara itu akan dicampur tangan oleh kuasa atau pemimpin akan menyalahgunakan kuasa. Selain itu, daripada ucapan beliau, strategi untuk mempertahankan negara juga adalah penting. Sekiranya tiada strategi yang teratur, negara akan diancam. Seterusnya, daripada kaedah beliau menjawab soalan daripada pelajar Singapura kita dapat memepelajari bahawa pemikiran kritikal dan secara logic adalah penting apabila menjawab soalan supaya jawapan yang diberi munasabah. Dengan harapan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir, Malaysia akan menjadi lebih maju dan menjadi satu negara yang gemilang dan terbilang.

Lampiran



i. Universiti Oxford



ii .Tun Dr Mahathir Bin Mohamad



iii. Sesi temu bual

Sumber Rujukan

- <https://www.youtube.com/watch?v=sPkqcRCTwKc>
- <https://www.pmo.gov.my/biography/>
- <https://studyabroad.shiksha.com/uk/universities/university-of-oxford>
- <https://www.thecompleteuniversityguide.co.uk/oxford>
- <https://www.oxfordsu.org/>